

Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa: Kajian Pelaksanaan di Pasir Mas Kelantan

Financing of Parents: An Implementation Study in Pasir Mas Kelantan

Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin

(Corresponding Author) Department of Al-Syariah, Sultan Ismail Petra International College, 15730, Malaysia, e-mail: syakir91mtaq@gmail.com

ABSTRAK

Ibu bapa merupakan anugerah yang tidak ternilai kepada anak-anak. Adalah menjadi kewajipan kepada anak-anak untuk memastikan kesemua tanggungjawab ditunaikan selaras dengan syarak melalui pembiayaan nafkah kepada mereka. Nas memberikan huraian yang jelas tentang tuntutan pemberian nafkah terhadap ibu bapa, lengkap dengan syarat, bentuk serta hak nafkah ibu bapa kelainan agama. Keengganan memenuhi tanggungjawab sebenar kepada ibu bapa pasti akan mengundang kemurkaan daripada Allah. Berdasarkan kenyataan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendapati bahawa seramai 675000 mewakili 32.7 peratus ibu bapa tidak pernah diberikan bantuan kewangan di Malaysia. Ditambah pula dengan jumlah ibu bapa yang menghuni pusat jagaan warga tua meningkat secara mendadak iaitu seramai 2720 orang direkodkan pada tahun 2010 meningkat kepada 5168 orang pada tahun 2013. Kertas kerja ini menjelaskan kedudukan nafkah ibu bapa menurut Islam dan pelaksanaannya di Pasir Mas Kelantan. Data-data telah dikumpulkan melalui kaedah temubual berstruktur untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan pembiayaan nafkah. Hasil kajian ini mendapati bahawa anak-anak tidak sepatutnya mengabaikan tanggungjawab memberikan nafkah kepada ibu bapa. Namun, tanggungjawab tersebut terbatal apabila didapati anak-anak mereka tidak berkemampuan. Seterusnya tanggungjawab ini akan beralih kepada pihak yang bertanggungjawab sama ada dari pihak keluarga, institusi kerajaan melalui baitulmal dan zakat seterusnya organisasi-organisasi yang menyalurkan derma dan sedekah. Berdasarkan analisis yang dijalankan, majoriti anak-anak memahami dan melunaskan tanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada ibu bapa. Walau bagaimanapun, masih terdapat anak-anak yang enggan memberikan pembiayaan nafkah disebabkan oleh faktor komunikasi dan faktor masalah keluarga.

Kata Kunci: Nafkah; Ibu Bapa; Keluarga; Undang-Undang Islam

ABSTRACT

Parents are an invaluable treasure to children. It is the duty of the children to ensure that they commit their responsibilities in accordance with Islamic law, which means through the maintenance of their parents' livelihood. Evidence from al Quran and Hadith has clearly described the demands for providing livelihoods to parents: provided the terms, forms, and rights of parents even in different religions. Refusal to fulfill the responsibility to parents will surely invite the wrath of God. According to a statement by the Ministry of Women, Family and Community Development found that 675000 representing 32.7 percent of parents were never supported with financial assistance in Malaysia. In addition, the number of parents occupying the elderly care center increased dramatically by 2720 persons recorded in the year 2010 to 5168 in 2013. This paper explains the value of providing financial support to parents in Islam and its implementation in Pasir Mas, Kelantan. Data was collected through a structured interview to obtain information on the implementation of financial maintenance. The results of the study found that children did not have the right to neglect the responsibility of providing financial support for their parents. However, the responsibility is avoided when their children themselves are financially unstable. Subsequently, this responsibility will shift to the responsible party either from the family, government institutions through 'baitulmal' or 'zakat' and other organizations that donate donations and charities. Based on the analysis, most children understand and commit their responsibility to provide a living for their parents. However, there are still children who refuse to provide livelihood funding due to communication factors and family problems.

Keywords: Supports; Parents; Family; Islamic Law

1. Pengenalan

Sejak beberapa dekad yang lalu, berlakunya evolusi pada institusi kekeluargaan di serata dunia. Malaysia juga turut berdepan dengan perubahan yang sama. Kesan evolusi ini telah mengakibatkan struktur keluarga tradisional bertukar kepada keluarga nuklear, keluarga ibu dan bapa tunggal dan keluarga bercampur. (Siti Hajar Abu Bakar et al, 2011).

Mengikut unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 (Dasar Warga Emas Negara). Status tersebut dicapai apabila 15 peratus daripada penduduk terdiri daripada mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas (Dasar Warga Emas Negara). Sehubungan dengan itu, persediaan dari sudut fasiliti, bantuan sosial, fizikal dan mental kepada golongan ini dilihat berada pada paras yang tidak memuaskan. Isu ini harus dipandang serius kerana sebahagian warga tua adalah merupakan ibu bapa.

Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah ibu bapa yang menghuni pusat jagaan warga tua

meningkat secara mendadak (Laporan Statistik Pusat Jagaan 2010). Seramai 2720 orang direkodkan pada tahun 2010 meningkat kepada 5168 orang pada tahun 2013 (Laporan Statistik Pusat Jagaan 2013). Selain itu, timbulnya kes-kes jenayah terhadap ibu bapa iaitu kes penderaan dan penyisihan yang sangat membimbangkan (Jal Zabdi, 2009).

Walau bagaimanapun, kes-kes pengabaian tersebut tidak dilaporkan oleh pihak berwajib, Antara penyebabnya kerana ibu bapa tidak ingin mengeruhkan hubungan kekeluargaan sehingga mengakibatkan kes-kes yang berlaku didiamkan. (Utusan Malaysia, 2009). Merujuk kepada perspektif syarak, pengabaian terhadap ibu bapa adalah merupakan suatu yang ditegah.

Dalam Islam, ibu bapa diletakkan kedudukan yang tinggi. Firman Allah Ta'ala:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Terjemahan: Dan kami wajibkan manusia berbuat kebaikan kepada kedua orang ibu bapanya. (Al-Ankabut 29: 8)

Al-Sha`rāwī ketika menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa, suruhan kepada anak-anak supaya berbuat kebaikan adalah suruhan berbentuk *taklif* yang wajib dilaksanakan (al-Sha`rāwī). Kebaikan dan *taklif* yang dimaksudkan dalam ayat di atas termasuklah pembiayaan nafkah kepada ibu bapa.

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkara ini, satu kajian perlu dijalankan bagi melihat sejauh mana pelaksanaan pembiayaan nafkah ke atas ibu bapa. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti item-item nafkah yang wajib ditunaikan kepada ibu bapa.

2. Sorotan Literatur

Kajian yang dijalankan ini berkisar tentang pelaksanaan pembiayaan nafkah terhadap ibu bapa. Hasil penelitian mendapati, terdapat dua bentuk kajian yang membicarakan tentang nafkah ibu bapa. Yang pertama, kajian terhadap konsep nafkah dari perspektif Islam seperti Muhammad `Uqlah (2002) yang membincangkan tentang peranan dan kepentingan sesebuah institusi kekeluargaan, hak dan tanggungjawab antara satu sama lain dalam sebuah keluarga seperti hak nafkah. Namun, beliau tidak memperincikan hal pemberian nafkah anak kepada ibu bapa. Manakala Abdul Halim Uwais (2004) telah menjalankan satu kajian khusus tentang hak nafkah ibu bapa menurut perspektif syarak. Perbincangannya meliputi definisi, hukum dan syarat nafkah, hak ibu bapa dalam hukum qisas dan hak dalam harta pusaka. Turut dibincangkan tentang nafkah ibu bapa berbeza agama. Antara hak-hak

yang wajib dipenuhi oleh anak-anak adalah hak makan, minum, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pembantu peribadi dan hak *al-i'fāf*. Namun, huraian yang dinyatakan hanyalah bersifat teori tanpa melibatkan kajian lapangan.

Bentuk kajian kedua berkisar tentang pembiayaan nafkah di Malaysia. Secara umumnya trend penyelidikan tentang nafkah lebih tertumpu kepada nafkah isteri dan anak-anak dalam pelbagai perspektif. Hal ini boleh dilihat melalui penyelidikan yang dijalankan oleh Wan Zulkifli Wan Hassan dan Nabilah Abdullah (2010), Raihanah Azahari, Bahiyah Ahmad dan Asma' Abdul Rahman (2012), Robiatul Adawiyah Mohd (2012), Nor Azhar Muhammad dan Kamarul Azmi Jasmi (2014) dan Fatimah Ali (2016). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang tertumpu kepada nafkah ibu bapa. Antaranya kajian Badruddin dan Azizah (2012) tentang hak ibu bapa terhadap nafkah dalam perundangan di Malaysia. Kajian mendapati bahawa tiada satu peruntukan yang jelas tentang nafkah ibu bapa dalam undang-undang sedia ada dan sudah tiba masanya Malaysia menggubal satu peruntukan khusus dan jelas tentang nafkah ibu bapa. Seterusnya penyelidikan yang dijalankan oleh Siti Fatimah Salleh dan Syh Noorul Madiah Syed Husin (2014) yang mengkaji tentang "Analisis Amalan Pemberian Nafkah Warga Kelainan Upaya: Kajian di Taman Rahmat." Kajian ini mendapati amalan pemberian nafkah dalam kalangan anak-anak warga kelainan upaya (OKU) di Taman Rahmat sewajarnya mampu meningkatkan taraf ekonomi ibu bapa mereka kerana hampir keseluruhan anak-anak mereka dianugerahkan pancaindera yang sempurna.

Jika disoroti secara umum terhadap kajian-kajian lepas, kajian tersebut lebih tertumpu kepada konsep serta penelitian dari sudut ibu bapa warga kelaianan upaya serta perundangan. Masih terdapat ruang luas dalam penyelidikan tentang nafkah ibu bapa dan memerlukan kajian lanjutan dalam bidang ini. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada golongan ibu bapa berstatus warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui realiti pelaksanaan nafkah ibu bapa di Pasir Mas Kelantan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk kualitatif yang dijalankan di Pasir Mas Kelantan. Antara justifikasi pemilihan lokasi adalah komposisi penduduk di Pasir Mas yang terdiri daripada golongan berpendapatan tinggi, sederhana dan rendah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Dalam pada itu, Pasir Mas merupakan salah satu daripada kawasan yang pesat membangun meliputi aspek perniagaan, pelancongan dan pentadbiran. Hal ini dapat dibuktikan dengan pembukaan dua bandar baru dalam kawasan Pasir Mas iaitu Kompleks Apam Putra yang menjadi Pusat Pentadbiran Baharu Daerah

dan Jajahan Pasir Mas. Seterusnya Bandar Baru Tasek Raja yang menjadi tapak baharu perniagaan Pasar Basah dan Terminal Bas (Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, 2014). Tambahan lagi, Pasir Mas mempunyai kepadatan penduduk kedua teramai di Kelantan selepas Kota Bharu iaitu seramai 207,400 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Pasir Mas juga merupakan antara daerah yang mempunyai kuantiti pondok yang banyak iaitu sebanyak 22 buah pondok mengikut data yang dikeluarkan Pejabat Qadi jajahan Pasir Mas, Kebanyakan pondok berkenaan dihuni oleh golongan ibu bapa warga emas (Pejabat Agama Jajahan Pasir Mas, 2016).

Data-data kajian telah dikumpul di antara Ogos dan September 2016 dan melalui dua metode pengumpulan data iaitu metode perpustakaan dan temu bual. Sampel kajian dipilih menggunakan prosedur persampelan bertujuan bagi memastikan sampel-sampel yang diperolehi benar-benar dapat memberikan data yang relevan kepada kajian ini. Sampel yang terlibat secara langsung dalam kajian ini adalah ibu bapa berstatus berkahwin, duda mahupun janda. Ibu bapa dipilih adalah dalam kalangan yang berusia enam puluh tahun dan ke atas. Kriteria umur ini dipilih berdasarkan kepada definisi warga emas yang termaktub dalam Dasar Warga Emas Negara. Seramai 14 orang responden dipilih dalam kalangan ibu bapa. Dalam kajian ini, digunakan temu bual berstruktur dan tidak berstruktur dalam temu bual bersama responden. Data-data daripada hasil dapatan pula akan dianalisis berdasarkan kepada dua metode iaitu melalui analisis kandungan dan analisis deskriptif.

4. Konsep Nafkah Ibu Bapa Menurut Perspektif Islam

Nafkah menurut pengertian bahasa adalah suatu barang yang dibelanjakan daripada duit (al-Marbawi, 1998). Menurut pandangan syarak, nafkah ibu bapa didefinisikan sebagai keperluan asasi yang wajib diberikan kepada ibu bapa ketika mereka mampu bekerja ataupun tidak merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal, perlindungan ekonomi, perubatan dan lain-lain (Ahmad Muhammad Namir Abū `Arjah 2009). Asas kewajipan nafkah ibu bapa terhadap anak adalah berdasarkan kepada nas al-Quran, hadith serta ijma` para ulamak. Firman Allah Taala dalam surah al-Isra' ayat 23:

فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Terjemahan: Janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ha” dan janganlah engkau menengking atau menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang sopan santun) (Al-Isra' 17:23)

Allah mengiktiraf golongan ibu bapa berdasarkan surah al-Isra' ayat 23 di atas. Ketika ibu bapa telah lanjut dan tidak berupaya, mereka sangat memerlukan belaian kasih sayang serta bantuan daripada anak-anak. Ibnu Kathir di dalam tafsirnya menasihati anak-anak agar menjauhi sebarang kata-kata yang tidak baik diucapkan kepada ibu bapa walaupun dengan perkataan "ha". Mengungkapkan lafaz "ha" adalah haram, apatah lagi menyakiti atau tidak menunaikan hak ke atas ibu bapa seperti keperluan asasi dan pembiayaan nafkah kepada ibu bapa. Kegagalan menyempurnakan hak tersebut juga adalah haram (Ibnu Kathir, 1999). Berdasarkan kepada hadith, daripada Asma' Binti Abu Bakr: Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ هِشَامٍ ، عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ ،
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَتْ قَدِمْتُ عَلَى أُمِّي وَهِيَ مُشْرِكَةٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَاسْتَفْتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُلْتُ { إِنَّ أُمِّي قَدِمَتْ } وَهِيَ رَاغِبَةٌ أَفَأَصِلُ أُمِّي
قَالَ نَعَمْ صِلِي أُمَّكَ

Terjemahan: "Ibuku yang masih musyrik telah mengunjungiku ketika zaman Rasulullah SAW. Lalu aku bertanya kepada Rasulullah SAW: Ibuku memohon sesuatu secara bersungguh-sungguh daripadaku, adakah aku boleh meneruskan hubungan baik dengan ibuku? Rasulullah menjawab: Ya, sambunglah hubungan baik dengan ibu kamu."

[*Ṣaḥīḥ Bukhārī*, no. hadith: 206]

Al-Kirmānī menjelaskan di dalam syarahnya, permohonan secara bersungguh-sungguh ibu Asma' bermaksud permohonan kepada perkara kebaikan terhadap anaknya iaitu Asma' walaupun ibunya tidak beragama Islam. Rasulullah SAW membenarkan Asma' menolong ibunya kerana menjadi kewajipan untuk menolong ibu walaupun berbeza agama (Al-Kirmānī, 1937). Manakala al-'Asqalānī pula menyatakan bahawa, hadith ini dijadikan hujah secara istinbāt tentang kewajipan anak yang beragama Islam memberikan nafkah kepada ibu bapa walaupun berlainan agama (Al-'Asqalānī, 2000). Para ulamak juga bersepakat secara ijma' bahawa kewajipan menyempurnakan pembiayaan nafkah ke atas ibu bapa adalah kewajipan bagi setiap anak-anak (Ibnu Qudāmah, 1997). Anjuran untuk membiayai nafkah adalah merangkumi tempat tinggal, pakaian, makan dan minum serta beberapa keperluan lain berdasarkan kemampuan penanggung. Pelaksanaan pembiayaan juga boleh dilakukan melalui pemberian dalam bentuk wang atau barangan serta mengikut adat dan tempat (Abdul Karim Zaidan, 2000).

Terdapat beberapa kriteria yang diputuskan oleh syarak tentang syarat-syarat nafkah ibu bapa. Terdapat tiga syarat utama iaitu yang pertama, ibu bapa hendaklah dalam kalangan golongan fakir; yang tidak mampu untuk menyara diri sendiri dan tidak berkeupayaan memenuhi keperluan asasi (Al-Jaziri, 1999). Syarat yang kedua ialah anak-anak mestilah terdiri daripada golongan yang berkemampuan (al-Khātib al-Sharbini, 1997). Manakala syarat yang ketiga adalah pendapatan anak-anak mestilah melebihi tanggungan diri, isteri serta anak-anak. (al-Nawawī, 1999). Sekiranya salah satu atau ketiga-tiga syarat ini tidak dipenuhi, maka gugur kewajipan ke atas anak-anak untuk memberikan nafkah terhadap ibu bapa mereka. Bagi ibu bapa yang tidak mendapat pembiayaan nafkah, syarak menyediakan alternatif perlindungan terhadap ibu bapa melalui bantuan daripada baitulmal, harta pusaka, zakat, wakaf, dan sedekah. Bantuan alternatif ini bagi meringankan bebanan para ibu bapa seterusnya memastikan kelangsungan kehidupan seharian tidak diabaikan. Proses ini adalah berdasarkan konsep tolong menolong dalam Islam. Firman Allah Ta'ala:

وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Terjemahan: “Dalam tolong menolonglah kamu kepada perkara kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu tolong menolong kepada perkara keburukan dan permusuhan. Bertaqwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya azab Allah amat pedih lagi menyakitkan.” (Al-Māidah: 5:2)

5. Hasil Kajian

5.1 Demografi Responden

Berikut adalah merupakan hasil dapatan kajian yang diperolehi merangkumi ciri-ciri demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur, tempat tinggal, status perkahwinan, pendidikan dan pekerjaan.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Responden (R)	Jantina	Umur	Tempat Tinggal	Status Perkahwinan	Pendidikan	Pekerjaan
1	Lelaki	75	Kg. Dangar	Duda	Ijazah	Imam Masjid
2	Lelaki	61	Kg. Lubok Gong	Berkahwin	Diploma	Pesara
3	Lelaki	69	Kg. Gebeng	Berkahwin	Sekolah Menengah	Petani
4	Perempuan	60	Kg. Siram	Ibu Tunggal	Sekolah Rendah	Peniaga
5	Perempuan	78	Kg. Tok	Ibu Tunggal	Sekolah	Tiada

			Rusa		Rendah	
6	Perempuan	79	Kg. Chap	Ibu Tunggal	Sekolah Rendah	Tiada
7	Perempuan	90	Kg. Gelang Mas	Ibu Tunggal	Tiada	Tiada
8	Perempuan	79	Kg. Gelang Mas	Ibu Tunggal	Tiada	Tiada
9	Perempuan	73	Kg. Chica Tinggi	Berkahwin	Sekolah Rendah	Tiada
10	Lelaki	67	Kg. Kenyir	Berkahwin	Tiada	Buruh
11	Lelaki	65	Kg. Gong	Berkahwin	Sekolah Rendah	Buruh
12	Lelaki	61	Kg. Chenerai	Berkahwin	Tiada	Tiada
13	Perempuan	69	Kg. Siram	Ibu Tunggal	Sekolah Rendah	Tiada
14	Lelaki	67	Kg Chap	Berkahwin	Tiada	Tiada

(Sumber: Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin, 2017)

Berdasarkan jadual di atas, kesemua responden adalah berumur dalam lingkungan 60 tahun sehingga 90 tahun dan menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan iaitu warga emas mengikut definisi Warga Emas Negara. Seramai 14 orang responden yang terlibat telah ditemu bual. Responden yang paling muda adalah berumur 60 tahun (R4) , manakala yang paling tua adalah berumur 90 tahun (R7). Kajian ini melibatkan 7 orang responden lelaki dan 7 orang responden perempuan. Dari segi status perkahwinan, terdapat 7 orang responden masih berstatus berkahwin, manakala 7 yang berbaki adalah dalam kalangan ibu tunggal dan duda. Dari sudut pekerjaan, seramai 9 orang responden sudah tidak bekerja. Manakala 5 orang responden masih lagi melakukan pekerjaan masing-masing sama ada buruh (R10 dan R11), imam (R1), petani (R3) dan peniaga (R4). Manakala dari sudut pekerjaan, peringkat tertinggi dalam kalangan responden adalah lepasan ijazah (R1) manakala peringkat paling rendah adalah tidak bersekolah (R7, R8, R10, R12 dan R14).

5.2 Faktor Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa

Hasil dapatan kajian yang dijalankan, dirumuskan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menjadi penyebab adanya pembiayaan nafkah ibu bapa.

5.2.1 Faktor Moral

Moral bererti akhlak, budi pekerti, kelakuan, tabiat watak dan perangai. Menurut Azizi Yahaya (2008), pembentukan moral keluarga bermula

daripada keteladanan ibu bapa terhadap anak-anaknya melalui akhlak, budi pekerti dan perangai baik. Hasilnya anak-anak memahami tanggungjawab mereka dan bersedia membalas kembali jasa ibu bapa di usia tua. Berdasarkan kajian ini, faktor moral merupakan faktor utama berlakunya pembiayaan nafkah terhadap ibu bapa. Seramai 10 responden menyatakan bahawa anak-anak mereka sedar dan sangat memahami tanggungjawab mereka untuk membalas jasa kedua ibu bapa. Kenyataan ini boleh dilihat melalui temu bual yang dijalankan bersama R1, R2 serta R7. yang mempunyai kesedaran tanggungjawab yang tinggi untuk membantu ibu bapa:

Bagi R7, peranan untuk membalas balik jasa ibu bapa merupakan salah satu daripada faktor moral penyebab adanya pembiayaan nafkah terhadap ibu bapa. Amalan yang dilakukan ini sangat bertepatan dengan kehendak Islam. Sesuai dengan etika Islam yang menyuruh penganutnya untuk membalas jasa kedua ibu bapa (Abdul Halim Uwais, 2004).

5.2.2 Faktor Ekonomi

Pendapatan yang diperolehi merupakan kayu ukur kepada kuasa ekonomi seseorang (Ofstedal et. al. 2003). Oleh itu, anak-anak yang mempunyai pendapatan yang baik sangat bertanggungjawab terhadap ibu bapa dengan memberikan nafkah kepada mereka. Hasil temu bual mendapati bahawa seramai tiga responden mempunyai anak yang memiliki pendapatan serta kerjaya yang baik. Bagi R1, kestabilan kewangan yang dimiliki menjadi faktor mendorong anak beliau menyalurkan bantuan nafkah kepadanya.

Situasi yang sama turut dinyatakan oleh R7 kerana salah seorang anaknya adalah seorang guru. Begitu juga dengan R13, walaupun tinggal berasingan serta jauh, kestabilan kewangan anak membolehkan bantuan kewangan disalurkan kepada responden. Kuantiti jumlah pemberian juga tidak menjadi sebab bagi responden, namun yang lebih penting adalah bantuan yang disalurkan secara konsisten.

5.2.3 Faktor Pendidikan Agama

Pendidikan agama merupakan suatu pengetahuan tentang agama Islam meliputi akidah, syariah dan akhlak. Pendidikan ini menekankan kepada penghayatan terhadap akidah dan kepercayaan dalam Islam, pelaksanaan ibadat khusus dan umum serta memberikan panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri terhadap pencipta, manusia dan alam (Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011). Matlamat pendidikan agama tidak akan tercapai sekiranya usaha tidak dimulakan oleh ibu bapa dalam keluarga, seterusnya dikembangkan kepada anak-anak. Hasil kajian mendapati seramai 4 orang responden menyatakan bahawa antara faktor adanya pembiayaan nafkah adalah disebabkan pendidikan agama yang

diterapkan kepada anak-anak sejak daripada kecil. Hasil didikan agama menatijahkan kesedaran yang tinggi kepada anak-anak untuk menyalurkan nafkah kepada ibu bapa sekalipun walau apa juga keadaan.

Bagi R5, beliau sudah tidak risau walaupun tinggal berasingan dengan anak-anak dan sedang menetap di pondok. Namun, anak-anak beliau akan menyalurkan bantuan hasil didikan berteraskan agama sejak daripada kecil. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh R6, R9 dan R13.

Bagi R2, mendapatkan keberkatan adalah merupakan salah satu daripada cara untuk membalas balik jasa yang telah dikorbankan oleh ibu bapa sejak daripada kecil. Berdasarkan kepada faktor-faktor yang diuraikan, didapati bahawa ketiga-tiga faktor tersebut menepati dan selaras dengan konsep *birr al-wālidayn* menurut syarak (Abdul Karim Zaidan, 2000). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kesedaran anak-anak terhadap tanggungjawab untuk memberikan nafkah masih lagi berada di tahap yang tertinggi. Perkara ini turut disokong oleh Zainul Rijal bahawa hubungan kekeluargaan yang akrab antara ibu bapa dan anak-anak serta pemahaman konsep *filial petty* (hormat pada yang tua) telah menatijahkan kesedaran terhadap tanggungjawab sesama ahli keluarga termasuklah ibu bapa dan anak-anak (Berita Harian, 2007).

5.3 Tiada Pembiayaan Nafkah

Dirumuskan bahawa terdapat tiga faktor utama tiadanya pembiayaan nafkah iaitu faktor kewangan, jurang komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak serta masalah keluarga.

5.3.1 Faktor Kewangan

Kewangan adalah merupakan salah satu daripada item penting yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Salah satu sebab adalah bagi meneruskan kelangsungan kehidupan bagi mendapatkan keperluan harian. Merujuk kepada analisis yang dijalankan, anak-anak yang mempunyai masalah kewangan menjadi antara faktor utama tiada pembiayaan nafkah kepada ibu bapa.

Bagi R4, kehidupan mereka dikategorikan sebagai miskin dan tidak berkemampuan. Anak-anak R4 juga berada dalam keadaan kesempitan. Kemampuan yang terhad dari sudut kewangan menyebabkan tiada pembiayaan kepada ibu bapa. Malahan, ibu bapa yang kesempitan pula yang membantu meringankan bebanan anak-anak. Keadaan yang sama turut berlaku kepada R8 dan R10. Merujuk kepada R11, walaupun R11 mempunyai ramai anak, tetap tidak dapat memenuhi tanggungjawab terhadap ibu bapa akibat masalah kewangan. Menurut syarak, sekiranya berhadapan

dengan hal sedemikian, hukum wajib ke atas anak-anak adalah terbatal kerana syarat asas adalah anak-anak berkemampuan.

5.3.2 Jurang Komunikasi antara Ibu Bapa dan Anak-Anak

Menurut Noraini Che' Sharif et al (2015), apabila anak-anak meningkat dewasa dan mempunyai kerjaya masing-masing akan wujudnya jurang komunikasi dalam kalangan mereka. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, terdapat tiga orang responden tiada pembiayaan nafkah disebabkan oleh jurang komunikasi dengan anak-anaknya iaitu R4, R8 dan R11.

Merujuk kepada R4, sikap tidak bertanggungjawab serta tidak ambik cakna anak-anak beliau akibat jurang komunikasi antara responden dan anak-anak. Walaupun mereka sudah mempunyai pekerjaan sendiri tetap tidak malu untuk meminta duit daripada responden yang kekurangan dan kesempitan kewangan. Bagi R8 pula, jurang komunikasi antara responden dan anak-anak turut menjadi halangan daripada diberikan nafkah, ditambah dengan sikap anak-anak yang langsung tidak bertanya khabar kepadanya. Situasi yang sama turut dihadapi oleh R11 apabila tidak diberikan perhatian sebaiknya oleh anak-anak. Perkara-perkara di atas menjadi sebahagian daripada faktor tiadanya pembiayaan nafkah kepada ibu bapa. Kes yang berlaku adalah merupakan suatu bentuk penderaan emosional kerana tidak memberi kasih sayang yang cukup, tidak dihiraukan dan tidak dilayan kerenahnya (Khadijah et al, 2011).

5.3.3 Masalah Keluarga

Faktor terakhir yang menjadi penyebab tiadanya pembiayaan nafkah ibu bapa adalah disebabkan oleh faktor masalah keluarga. Keluarga yang bermasalah akan menyebabkan risiko psikologi yang buruk terhadap anak-anak sekiranya tidak ditangani dengan baik. Yang memburukkan lagi keadaan apabila sampai ke peringkat penceraian. Perkara inilah yang menyebabkan pengabaian tanggungjawab berlaku sama ada ibu bapa mahupun anak-anak (Utusan Malaysia, 2015).

Merujuk kepada kenyataan oleh anak R4, masalah keluarga menjadi salah satu punca tiada pembiayaan nafkah. Berlakunya pengabaian daripada pihak ibu bapa terlebih dahulu terhadap anak-anak akibat daripada masalah yang dihadapi iaitu penceraian. Kesan jangka masa panjang penceraian antara ibu bapa mengakibatkan anak-anak mengabaikan tanggungjawab kepada ibu bapa. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh anak R10, kesan pergaduhan antara ibu bapa telah menyebabkan berlakunya pengabaian tanggungjawab terhadap anak-anak.

5.4 Bentuk Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa di Pasir Mas Kelantan

Terdapat beberapa bentuk pembiayaan nafkah ibu bapa yang diamalkan berdasarkan temu bual yang dijalankan iaitu bantuan kewangan, makanan dan minuman serta lain-lain. Bantuan kewangan adalah merupakan salah satu hak dan keperluan asasi yang perlu diberikan kepada ibu bapa apabila mereka memerlukan (Abdul Karim Zaidan, 2000). Item ini merupakan item yang paling dominan yang disalurkan oleh anak-anak dan dikenalpasti berlaku terhadap R1 hingga R3, R5 hingga R7, R9, R12 dan R13.

Didapati bahawa keseluruhan responden yang terlibat mengakui bahawa anak-anak mereka menunaikan tanggungjawab memberikan nafkah melalui bantuan kewangan. Begitu juga dengan item kedua yang turut menjadi sebahagian daripada bentuk pembiayaan nafkah iaitu makanan dan minuman. Seramai 2 orang responden iaitu R6 dan R12 diberikan pembiayaan berupa makanan dan minuman.

Merujuk kepada R6, tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapa warga emas disalurkan melalui pemberian keperluan harian berupa makanan dan minuman. Bila tidak mampu memberikan nafkah dalam bentuk wang, item tersebut digantikan dengan pembelian makanan dan minuman. Situasi yang sama juga berlaku kepada R12, item nafkah bergantung kepada kemampuan anak. Sekiranya anak mempunyai lebih pendapatan, maka pembiayaan nafkah akan ditunaikan melalui bantuan kewangan. Apabila kemampuan berkurangan, nafkah akan diberikan melalui pembelian keperluan harian berupa makanan dan minuman. Kedua-dua item tersebut ditunaikan selaras dengan syarak sebagai item asasi yang wajib ditunaikan kepada ibu bapa (Abdul Karim Zaidan, 2000).

Selain itu, terdapat juga item lain dijadikan sebagai nafkah pemberian kepada ibu bapa iaitu perubatan. Menurut R12, anak-anak beliau saling tolong-menolong membelikan ubat membuatkan beliau merasa cukup tenang dan tidak susah ketika di usia tua dan berhadapan dengan pelbagai penyakit. Bantuan berupa perubatan yang disalurkan bertepatan dengan syarak dan merupakan sebahagian daripada keperluan asasi buat ibu bapa yang tidak berkemampuan dan berpenyakit (*al-Shāṭirī*, 2007). Berdasarkan penjelasan yang dihuraikan di atas, ketiga-tiga item di atas yang diklasifikasikan sebagai item *darūrī* ditunaikan sebaiknya oleh anak-anak responden yang berkemampuan.

Selain itu, terdapat beberapa item lain yang ditunaikan oleh anak-anak yang mempunyai lebih kewangan. Item yang dimaksudkan adalah pembayaran bil talifon dan elektrik serta pembiayaan ibu bapa mengerjakan haji ke Makkah. Dapat dilihat melalui kenyataan yang disampaikan oleh R9 bahawa anak-anak beliau telah menunjukkan komitmen yang tinggi saling bekerjasama antara satu lain membantu R9 melunaskan pembayaran bil elektrik. Selain itu, lebih kewangan yang dimiliki juga membolehkan R9

dibiayai menunaikan haji di Makkah. Hasil temu bual bersama R9 membuktikan bahawa pembiayaan nafkah dilaksanakan di Pasir Mas bukan sahaja melibatkan item *darūrī* semata-mata, malah turut disusuli dengan item *tahsinī* berupa pembayaran bil dan pembiayaan mengerjakan haji.

Dalam memenuhi kehendak dan keperluan ibu bapa, pihak berwajib juga turut memainkan peranan yang penting untuk membantu membiayai nafkah kepada ibu bapa. Pelaksanaan ini dilakukan oleh pihak berwajib apabila mendapati golongan ibu bapa tidak mampu atau anak-anak tidak mampu menyara mereka. Bantuan tersebut disalurkan melalui bantuan zakat melibatkan R6, R7 dan R14, bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melibatkan R5, R6 dan R8. Bagitu juga Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BRIM) yang melibatkan R9, R10, R11 dan R14. Pelaksanaan yang dijalankan oleh pihak berwajib adalah bertepatan dengan syarak sebagai alternatif kepada golongan yang tidak berkemampuan.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pelaksanaan pembiayaan nafkah ibu bapa di Pasir Mas adalah selaras dengan konsep nafkah menurut syarak. Sebahagian besar anak-anak melaksanakan pembiayaan nafkah kepada ibu bapa. Pemahaman anak-anak terhadap tanggungjawab mereka berada di tahap yang baik. Hal ini dibuktikan hampir keseluruhan responden memberikan respon yang positif apabila ditanya tentang pelaksanaan pembiayaan nafkah terhadap ibu bapa. Item nafkah diperoleh meliputi keperluan secara *darūrī* dan *tahsinī* berdasarkan kemampuan anak-anak. Ketiga-tiga faktor penyebab adanya pembiayaan nafkah adalah disebabkan oleh kesedaran yang dimiliki oleh anak-anak melalui faktor moral, ekonomi dan pendidikan agama. Merujuk pula kepada faktor tiada pembiayaan adalah disebabkan oleh faktor kewangan, masalah keluarga dan jurang komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak. Bagi anak-anak yang mengalami masalah kewangan, kewajipan untuk memberikan nafkah gugur kerana mereka tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Tanggungan ibu bapa akan beralih kepada pihak-pihak berwajib melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Negeri serta Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BRIM) sebagaimana yang dijelaskan. Manakala faktor komunikasi dan masalah keluarga memerlukan kepada mekanisme yang baik daripada semua pihak bagi mencari solusi penyelesaian terhadap perkara ini.

Walaupun pelaksanaan pembiayaan nafkah masih lagi berada di tahap yang baik, namun harus diberikan perhatian terhadap laporan yang dikeluarkan oleh pihak berwajib tentang fakta kenaikan peratusan ibu bapa warga emas serta kes-kes pengabaian yang berlaku. Semua pihak sama ada kerajaan, NGO ataupun masyarakat harus bekerjasama memberikan penerangan bagi mewujudkan kesedaran tentang hak dan tanggungjawab

khususnya terhadap golongan ibu bapa. Antara cadangan alternatif yang dapat dilakukan adalah mewujudkan sebuah agensi yang menyediakan khidmat nasihat sepertimana yang dilakukan di negara Singapura. Agensi yang memberikan khidmat secara percuma apabila terdapat aduan terhadap anak yang tidak mempedulikan dan tidak memberi nafkah kepada mereka. Kewujudan entiti ini dapat membantu ibu bapa dalam pelbagai perkara, malah turut dapat memberikan cadangan pekerjaan jika mereka masih berupaya berkerja.

Rujukan

- Abdul Halim Uwais. (2004). *Huqūq al-Wālidayn fī Ḍaui al-Kitāb wa al-Sunnah*, Mansurah, Dar al-Wafa'.
- Al-Dimashqi, Abi al-Fida' Ismail bin 'Umar bin Kathīr al-Qurashi. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Riyadh, Dar Taybah.
- Abū 'Arjah, Aḥmad Muḥammad Namir. (2009). *Man lā Tajīb Lahum al-Nafqah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuha fī al-Maḥākīm al-Shar'īyyah fī Qiṭa' al-Ghazzah*. Tesis Master, Universiti Islam Gaza.
- Al-'Asqalani, Aḥmad bin Ali bin Hajar. (2000). *Fath al-Bārī*. Riyadh: Tabā' 'Ala Nafqah Sahib al-Samiw al-Malaki.
- Al-Bukhārī, Abi Abd Allah Muḥammad bin Ismā'il. (t.t). *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. ed. Muḥibbu al-Dīn al-Khātib. Qaherah, al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabuha.
- Al-Jāziri, Abdurrahman. (1999). *Kitab al-Fiqh 'ala Madhāhib al-Arba'ah*. Kaherah, Dar al-Manar.
- Al-Kirmānī, Muḥammad bin Yūsuf Shams al-Dīn. (1937) *Al-Kawākib al-Darārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Qaherah, Al-Matba'ah al-Bahiyyah al-Miṣriyyah.
- Al-Maqdisi, Abī Muḥammad 'Abd Allah bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah. (1997). *Al-Mughnī*. Riyadh, Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Marbawī, Muḥammad Idriṣ Abd al-Rauf. (1998). *Kamus Idris al-Marbawī*. Kuala Lumpur: Dār al-Nu'mān.
- Al-Nawawī, Abu Zakariā Sharf al-Dīn. (2002). *Kitab Majmu' Sharḥ al-Muhaddhab li Shīrāzi*. Beirut, Maktabah Al-Irsyad.
- Al-Sha'rāwī, Muḥammad Mutawallī. (1991), *Tafsīr al-Sha'rāwī*. Qaherah, Akhbar al-Youm.
- Al-Shātīrī, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Umar. (2007). *Sharḥ al-Yaqūt al-Nafīs fī Madhhab Ibn Idris*. Saudi, Dār al-Minhāj.
- Azizi Yahya. (2008). "Keluarga dalam Pembentukan Moral." Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/6035/1/aziziyahmoral.pdf> [27 November 2016].
- Badrudin Hj Ibrahim dan Azizah Mohd. (2012). Hak Ibu Bapa Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam. KANUN, 24(2), 24-37.
- Dasar Warga Emas Negara. laman sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, <http://www.kpwkm.gov.my/dasar>. [3 April 2015].
- Fatimah Ali. (2016). Nafkah Isteri Bekerja: Antara Hukum Dan Realiti. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference. 22 & 23 November 2016.
- Idris Awang. (2009). Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam. Shah Alam. Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014. Kuala Lumpur.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2009). Jenayah Dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Warga Tua di Malaysia. International Conference on Corporate Law (ICCL) Surabaya, Indonesia.

- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah, Christine Chan. (2011). Emotional Support Needs In Caring For The Elderly Parents By The Adult Children. *Journal E-Bangi*, 6(1), 102-114.
- Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2004), Kemeterian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, laman sesawang Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=statistik&lang=bm>. [1 April 2015].
- Laporan Statistik Pusat Jagaan 2013. laman sesawang Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, http://www.jkm.gov.my/file/file/Statistic_2013/BHG_B_14-PUSAT_JAGAAAN.pdf [1 April 2015].
- Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam. Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Daerah/Mukim dan Negeri. laman sesawang Web Rasmi Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, <http://www.mpkbbri.gov.my>. [24 November 2016].
- Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Tadib*, 6(1), 59-78.
- Mohd Shah Che Ahmad. (2015). *"Risiko Konflik Penceraian."* Utusan Malaysia. 29 Januari 2015.
- Muhammad 'Uqlah. (2002). *Nizām al-usrah fil Islam*. Amman: Maktabah ar-Risalah al-Hadithah.
- Nor Azhar Muhammad dan Kamarul Azmi Jasmi (2004), Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu. Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004.
- Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani. (2015). Pengalaman dan Faktor Pengabaian Warga Emas Dalam Komuniti. *Journal Of Social Science and Humanities*, 10(1), 118-134.
- Ofstedal, M.B., Knodel, J., & Reidy, E (2003). Gender Differences in Economic Support and Well-Being of Older Asians. *Journal Of Cross-Cultural Gerontology*, 19, 165-201.
- Othman Lebar. (2012). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas. *"Profail Jajahan."* laman sesawang Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas. <http://ptjpm.kelantan.gov.my/index.php/my/hubungi-kami/direktori-jabatan/8-korporat/4-profai-jajahan>. [1 November 2016].
- Raihanah Azahari, Bahiyah Ahmad dan Asma' Abdul Rahman (2012). Penentuan Kadar Kifāyah dan Ma'rūf Nafkah Anak dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah*, 20(2), 145-162.
- Robiatul Adawiyah Mohd, *"Hak-hak Isteri Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah."* <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/737/1/HAK-HAK%20ISTERI%20DALAM%20PERKAHWINAN%20MENURUT%20AL-QURAN%20DAN%20AL-SUNNAH.pdf>. [12 September 2016].
- Ruangan Varia. *"Tuntutan Nafkah Orang Tua,"* laman sesawang Kosmo Online. http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0515&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_02.htm. [5 September 2016].
- Siti Fatimah Salleh dan Syh Noorul Madihah Syed Husin. (2014). Analisis Amalan Pemberian Nafkah Warga Kelainan Upaya: Kajian Di Taman Rahmat. *Journal of Business and Social Development*, 2(1), 94-103.
- Siti Hajar Abu Bakar et al. (2011). Keluarga di Abad Ke-21: Keperluan Terhadap Sistem Sokongan Sosial. National Conference 2011, CTFI, West Campus, Universiti Malaysia Sarawak.
- Wan Zulkifli Wan Hassan dan Nabilah Abdullah. (2010). Nafkah Isteri Bekerja: Satu Tinjauan di Daerah Pasir Mas. *Jurnal Syariah*, 7, 83-106.

- Zaidan, Abdul Karim. (2000). *Al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar'ah wa Baitul Muslim fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Lubnan: Muassasah ar-Risalah
- Zainul Rijal Abu Bakar. (2007). "Mentaati Ibu Bapa Tanpa Akta Kha." Berita Harian, 30 Mei 2007.